

D483

U B412 DEB
MAHATHIR - TEKNOLOGI

BANGI 2 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA MALAYSIA TIDAK DAPAT MENGUASAI TEKNOLOGI BARU KERANA ADANYA SIKAP DI KALANGAN PARA JURUTERA TEMPATAN UNTUK MENUNGGU TEKNOLOGI ASING DISERAH BULAT-BULAT KEPADA MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA TEKNOLOGI ADALAH SUATU BIDANG YANG HARUS DIKEJAR DAN RAKYAT NEGARA INI TIDAK BOLEH MENGANGGAP PROSES PENYERAHAN TEKNOLOGI ADALAH TANGGUNGJAWAB ORANG LAIN TERHADAP MEREKA.

KATANYA SEBAB ITULAH, WALAUPUN NEGARA SUDAH LAMA MENGELUARKAN BARANG-BARANG PENGGUNA SEPERTI SABUN, JEANS, RADIO DAN ALAT MENGIRA KECIL TETAPI ORANG-ORANG MALAYSIA HANYA TAHU TIDAK LEBIH DARIPADA MEMASANG KOMPONEN SAHAJA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PELANCARAN LOJI PERINTIS MENGELUARKAN DIESEL DARIPADA MINYAK KELAPA SAWIT YANG PERTAMA DI DUNIA DI INSTITUT PENYELIDIKAN MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA DI SINI.

BELIAU MEMBIDAS KEBANYAKAN JURUTERA TEMPATAN YANG LEBIH SUKA MENJADI PENTADBIR DENGAN PANGKAT YANG TINGGI DARIPADA MENCIPTA SESUATU YANG DIMINATI OLEH ORANG RAMAI MELALUI TEKNOLOGI. -- LAGI.

MAHATHIR - TEKNOLOGI 2 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETENGAH-SETENGAH JURUTERA TEMPATAN TIDAK TAHU MENELITI DAN MENKAKAJI PAPAN LITAR SEKALI PUN SUPAYA DAPAT MENGELUARKAN RADIO DAN ALAT MENGIRA SENDIRI.

KATANYA INI BERBEZA DENGAN PARA JURUTERA DI KOREA SELATAN, JEPUN DAN TAIWAN YANG HANYA DENGAN MELIHAT SESUATU PAPAN LITAR DAN ALAT-ALAT TEKNOLOGI LAIN SUDAH DAPAT MEMAHAMI APA YANG DILIHAT MEREKA.

MELALUI +REVERSE ENGINEERING+, PARA JURUTERA DI NEGARA-NEGARA ITU DAPAT MENIRU DAN MEREKABENTUK BARANGAN MEREKA SENDIRI, TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA SEBAB ITULAH DI NEGARA INI TIDAK HENTI-HENTI TERDENGAR SUNGUTAN BAHAWA ORANG ASING ENGGAN MEMINDAHKAN TEKNOLOGI SEDANGKAN BANYAK NEGARA MEMBANGUN YANG MEMPEROLEHI TEKNOLOGI DARIPADA PUNCA YANG SAMA DENGAN NEGARA INI, SUDAH MENDAPAT TARAF NEGARA PERINDUSTRIAN BARU.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA SEMUA PIHAK TERMASUK SEKTOR SWASTA MEMBERI TUMPUAN YANG LEBIH TERHADAP PENYELIDIKAN UNTUK MENCIPTA TEKNOLOGI BARU SUPAYA NEGARA DAPAT MEMANFAATKAN SEPENUHNYA BAHAN MENTAH TEMPATAN. -- LAGI.

MAHATHIR - TEKNOLOGI 3 BANGI

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KERANA HASIL DARIPADA PROJEK DIESEL DARIPADA MINYAK KELAPA SAWIT, TERDAPAT TANDA-TANDA ADANYA PELUANG YANG LUAS DALAM BIDANG-BIDANG PENGELUARAN BARANGAN BERASASKAN MINYAK SAWIT.

KATANYA KAJIAN OLEH PORIM TELAH MENGENALPASTI BEBERAPA BAHAN SAMPINGAN SEPERTI GLYCEROL DAN KOMPONAN-KOMPONAN KECIL YANG DAPAT DIHASILKAN YANG AMAT BERGUNA DAN BERNILAI TINGGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGGUNAAN DAN PENILAIN BAHAN-BAHAN ITU SEDANG DIJALANKAN DAN AKAN MERUPAKAN PERKEMBANGAN YANG PENTING DARI PROJEK DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT.

KATANYA PENGELUARAN BITAMIN E DARIPADA PATI ASID LEMAK SAWIT, BERDASARKAN PENGELUARAN PATI ASID ITU TAHUN INI ADALAH SEBANYAK \$64 JUTA.

BELIAU MENYARANKAN SUPAYA KAJIAN DIBUAT UNTUK MENINGKATKAN PERUNTUKAN BAGI KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI NEGARA INI MEMANDANGKAN MALAYSIA KINI HANYA MEMPERUNTUKKAN 0.64 PERATUS DARIPADA KELUARAN NEGARA KASAR -- BERNAMA.

1653MST 02 11 85